

12/07/2004

Pak Lah, Najib lepasi kuota (HL)

By Misiah Taib

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Datuk Seri Najib Razak sudah melepasi kuota pencalonan bagi jawatan Presiden dan Timbalan Presiden apabila mendapat sokongan 52 lagi bahagian, semalam.

Dengan sokongan terbaru itu, Abdullah dan Najib kini mendapat 61 pencalonan manakala Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah yang menawarkan diri bertanding jawatan Presiden masih belum mendapat sebarang pencalonan.

Jawatan Presiden memerlukan sekurang-kurangnya 58 pencalonan manakala Timbalan Presiden 39.

Sebanyak 52 bahagian mengadakan mesyuarat semalam dan semuanya mencalonkan Abdullah dan Najib.

Abdullah dan Najib semalam mendapat pencalonan dari bahagian Padang Terap di Kedah; Kuala Kangsar, Parit dan Tapah (Perak); Rompin dan Cameron Highlands (Pahang); Bukit Mertajam, Bayan Baru, Batu Kawan, Bagan, Bukit Gelugor dan Tasik Gelugor (Pulau Pinang); Rembau, Jempol, Jelebu, Rasah dan Teluk Kemang (Negeri Sembilan); Kepong, Bandar Tun Razak, Setiawangsa, Wangsa Maju, Lembah Pantai, Seputeh dan Labuan (Wilayah Persekutuan); Kota Melaka, Tangga Batu, Masjid Tanah dan Jasin (Melaka); Tanjong Karang, Klang, Kota Raja, Subang, Serdang, Pandan, Shah Alam, Ampang, Sepang dan Petaling Jaya Selatan (Selangor); Simpang Renggam, Segamat, Pasir Gudang, Pengerang, Labis, Muar, Sembrong dan Kota Tinggi (Johor); Tuaran, Putatan, Penampang, Tawau, Kalabakan dan Sipitang (Sabah).

Empat lagi bahagian yang sepatutnya bersidang semalam, iaitu Bukit Bintang di Wilayah Persekutuan; Bakri, Johor serta Sepanggar dan Sandakan di Sabah, terpaksa menangguhkan mesyuarat berikutan ada cawangan yang diarah bermesyuarat semula belum berbuat demikian.

Mesyuarat Bahagian Bukit Bintang ditangguhkan sehingga satu tarikh yang belum ditetapkan lagi manakala Bakri pula ditangguhkan sehingga 27 Julai ini. Mesyuarat perwakilan Bahagian Sepanggar ditangguhkan sehingga 18 Julai dan Sandakan 17 Julai.

Bagi jawatan Naib Presiden, tiga calon termasuk dua penyandang, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Tan Sri Muhammad Muhd Taib berjaya melepasi kuota 20 bahagian manakala seorang lagi ialah Datuk Seri Mohd Ali Rustam.

Muhyiddin mendapat sokongan 49 lagi bahagian semalam menjadikan pencalonan yang diterimanya berjumlah 56, manakala Muhammad menerima 31 lagi pencalonan menjadikannya 34 setakat ini. Mohd Ali pula menerima 30 pencalonan menjadikannya 38.

Mustapha Mohamed setakat ini memperoleh 20 pencalonan, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad (13), Datuk Seri Syed Hamid Albar (6), Datuk Seri Adnan Yaakob (6), Datuk Shahrir Samad (4), Datuk Abdul Ghani Othman (4) dan Datuk Zaid Ibrahim (2).

Sementara itu, Datuk Hishamuddin Hussein setakat ini mendapat 130 pencalonan bagi jawatan Ketua Pemuda.

Khairy Jamaluddin pula terus mendapat sokongan bagi jawatan Naib Ketua dengan memperoleh 121 pencalonan, diikuti Datuk Mukhriz Mahathir (6), Datuk Azimi Daim (2) dan Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo (1).

Bagi jawatan Ketua Wanita, Datuk Seri Rafidah Aziz setakat ini mendapat 110 pencalonan, manakala Datuk Seri Dr Siti Zaharah Sulaiman mendapat dua lagi pencalonan dari Paya Besar, Pahang dan Pandan, Selangor, menjadikan pencalonan yang diterimanya setakat ini lima.

Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil pula mendapat pencalonan dari semua 115

bahagian wanita yang sudah menyelesaikan mesyuarat setakat ini.

Bagi jawatan Ketua Puteri, Noraini Ahmad setakat ini mendapat 103 pencalonan, diikuti Suraya Yaakob (26) dan Sarah Ali Bashah (1).

Rosnah Abdul Rashid Serlin pula setakat ini mendapat 66 pencalonan bagi jawatan Naib Ketua Puteri, diikuti Bibi Sharliza Mohd Khalid (28), Shahaniza Shamsudin (18), Azlinda Mohd Rashad (17) dan Nori Abdullah (satu). Suraya turut menerima satu pencalonan untuk Naib Ketua Puteri.

(END)